

Wawancara Bersama Al-Mustaqeem Mahmud Radhi

Gerakan Reformisme, Kebebasan Pendapat, dan Pendidikan Islam

*Pada 16-17 Jun 2007, beberapa anggota The Reading Group telah berkunjung ke Kuala Lumpur. Sewaktu kunjungan tersebut, mereka sempat bertemu dan bersembang-sembang dengan beberapa aktivis yang berkumpul di Jalan Telawi. Antara aktivis yang ditemui dan sempat diwawancara ialah seorang pemikir muda Malaysia, **Al-Mustaqeem Mahmud Radhi**, pengarah eksekutif Middle Eastern Graduates Center (MEGC) yang berpusat di Kuala Lumpur. Berpendidikan jurusan agama semenjak awal persekolahan, Al-Mustaqeem ialah lulusan bidang Syariah dan Pengajian Islam, Universiti Mu'tah, Jordan.*

*Selaku aktivis dan pemikir muda yang bergiat di dalam isu-isu kebudayaan dan keagamaan di Malaysia, Al-Mustaqeem amat produktif menulis dan menerbitkan beberapa buku yang mengusung wacana progresif dan budaya berfikir. Beliau pernah menjadi editor majalah seni-budaya Siasah (2002-2003), jurnal Ide Quarterly, terbitan Open Dialogue Center (2006) dan laman web www.jalantelawi.com. Selain menulis mengenai isu-isu keagamaan, beliau juga mengamati isu-isu seni dan budaya dan beberapa tulisan beliau telah pun dimuatkan di lalaman www.kakiseni.com. Antara buku yang berjaya diterjemahkan dan disunting oleh beliau ialah **Renaissans dan Humanisme** (2003), **Kembara Seorang Reformis (1908-1922): Catatan dan Lawatan Rashid Ridha ke Syria, Istanbul, India dan Eropah** – karya Rashid Ridha (2004), **Patah Balek: Catatan Terpenting Reformasi** – karya Fathi Aris Omar (2004), **Islam dan Dasar Pemerintahan** – karya Ali 'Abd Al-Raziq (2004), **Islam dan Pluralisme** (2006), **Ibn Rusyd: Makalah Penentu** – karya Ibn Rusyd (2006), dan **Hanya Tuhan Mengenal Tentera-Nya** – karya Khaled Abou El Fadl (2007).*

*Berikut adalah sedutan wawancara spontan bersama beliau, yang diadakan di sebuah hotel di Jalan Ampang, Kuala Lumpur pada **17 Jun 2007**.*

WAWANCARA

Bersama Al-Mustaqeem Mahmud Radhi

Pengarah Eksekutif, Middle Eastern Graduates Center (MEGC)

Saudara Mustaqeem, jika kita lihat sejarah pemikiran Islam, kita sudah ada gerakan reformisme moden dari semenjak zaman Syed Jamaluddin al-Afghani dan Muhammad 'Abduh di Mesir. Ini juga termasuk gerakan reformisme Dunia Melayu itu sendiri; kita pernah melahirkan pelopor-pelopor reformisme seperti Syed Sheikh al-Hadi, Jalaluddin Tahir dan sebagainya. Yang menariknya, gerakan reformisme ini— atau apa yang kita kenali sekarang sebagai gerakan Kaum Muda— amat kuat, terutama pada permulaannya di Singapura, kemudian menular ke Melaka, Pulau Pinang dan rantau Melayu Tenggara umumnya. Namun, pada pendapat saya, gerakan itu telah gagal.

Semenjak tahun-tahun 1970an, gerakan reformisme mula bertukar corak menjadi fundamentalis – atau menjadi apa yang kita kenali sebagai revivalisme Islam. Semangat era 'kebangkitan' Islam ini jelas berbeza daripada semangat reformisme yang diperkenalkan oleh tokoh-tokoh awal semenjak Afghani dan Abduh. Adakah saudara bersetuju dengan pendapat ini?

Mustaqeem: Sekiranya reformisme yang cuba dibawa pada zaman 'Abduh pada abad ke-19 itu bermaksud kembali pada beberapa asas utama (*fundamental*) Islam, kita tidak mungkin mengatakan ia sudah gagal. Jadi, soal gagal atau tidak itu, sebenarnya kembali kepada *expectation* kita; iaitu, apa yang kita jangka dan harapkan daripada gerakan reformisme itu. Kalau yang kita jangkakan adalah usaha-usaha mentafsir semula ajaran-ajaran Islam, termasuk mentafsir semula al-Qur'an, mungkin kita boleh katakan ada semacam kegagalan.

Tapi, saya kurang setuju untuk mengatakan ia gagal sepenuhnya. Reformisme yang cuba dibawa oleh 'Abduh misalnya, (walaupun 'Abduh tidak menggunakan istilah 'reformisme' itu sendiri; istilah-istilah yang diketengahkan ialah 'pembaharuan' – *tajdid*, atau 'pembaikan' – *islah*), adalah proses yang berterusan – ia belum berjaya dan juga belum gagal.

Kita juga dapat lihat, sememang ada pembaharuan dalam banyak sudut, termasuk dalam arena pemikiran Islam. Tapi, hasilnya mungkin berbeza-berbeza sebab sifat pemikiran 'Abduh itu sendiri tidak mempunyai bentuk yang jelas – ia terbuka. Oleh sebab itu, reformisme 'Abduh itu menghasilkan dua aliran.

Yang pertama ialah aliran Rashid Reda – yang sekarang ini, mungkin kita boleh sebut sebagai aliran *salafi* ataupun *wahhabi*. Ini termasuk juga aliran gerakan Ikhwan al-Muslimun yang mungkin tidak sepenuhnya menggunakan *banner* salafi, tapi ciri-ciri *salafi* jelas di situ.

Yang kedua ialah aliran yang disebut ‘liberal’ ataupun ‘sekular’, seperti yang dibawa oleh tokoh-tokoh seperti Qasim Amin, Taha Husayn, Ali ‘Abd al-Razziq dan Lutfi as-Sayyid. Jadi kalau, katakan, kita mahu mengukur pencapaian aliran kedua ini, – terutama bagi mereka yang mengikuti aliran ini, – pencapaiannya mungkin kurang memuaskan. Walau bagaimana pun, itu agak relatif; sebab, kalau kita lihat gerakan feminisme Qasim Amin, ia memang banyak memberi kesan kepada masyarakat Muslim di banyak negara-negara Muslim. Jadi, feminisme Qasim Amin itu telah menjadi *trigger*, secara radikal, kepada beberapa wacana – termasuk wacana tentang *legal reform* (soal perundangan). Ia bermula dari isu wanita sebab isu wanita itu amat menonjol keterbelakangannya dari aspek perundangan.

Mengenai aliran pertama,– yang dipelopori oleh gerakan-gerakan seperti Ikhwan al-Muslimeen, dan termasuk juga kelompok Jamaat Islam pimpinan Abul a’la Maududi– mengapakah ianya lebih dominan, popular dan diterima masyarakat umum, berbanding dengan aliran liberal yang mungkin diikuti oleh segelintir pemikir sahaja dan tidak berakar-umbi di dalam masyarakat Muslim? Apakah sebabnya ada ketidakseimbangan ini?

Mustaqeem: Mungkin kerana aliran yang dibawa oleh Rashid Reda itu kurang ‘kontroversial’ pada zaman itu. Bagi pihak ‘liberal’ atau ‘sekular’ pula, ide-ide yang diketengahkan terlalu radikal. Kita juga boleh mengatakan beberapa bahagian daripada pemikiran ‘liberal’ atau ‘sekular’ ini terlalu ‘mendahului zaman’.

Sebagai contoh, Lutfi as-Sayyid yang pernah berbicara mengenai soal politik: Saya pernah terperasan yang liberalisme yang cuba dibawanya berpandukan corak Eropah. Dia memperkatakan peranan kerajaan. Jadi, pada masyarakat Mesir di awal abad ke-20 yang baru keluar dari Turki Uthmaniah, ini amat mengejutkan – iaitu apabila peranan kerajaan itu mahu dikurangkan. Bahkan, Eropah sendiri pada masa itu, masih mendebatkan soal-soal yang sama, iaitu sebesar mana peranan kerajaan dalam sesebuah negara.

...Mungkin, kelompok yang pertama itu sering digambarkan dan menggambarkan diri sebagai 'Islamically authentic' ('Islam yang tulen') jikalau dibandingkan dengan kelompok 'liberal'? Ini kerana ada tanggapan bahawa konsep-konsep atau ide-ide yang sangat maju dan terkedepan itu, lebih berunsurkan Barat...

Mustaqeem: Saya kurang yakin masyarakat umum boleh membuat rumusan bahawa sesuatu konsep atau ide itu lebih autentik atau kurang autentik. Mungkin ia sekadar sentimen sahaja. Sebagai contoh, perbincangan mengenai corak pemerintahan yang kita sebut tadi: Penolakan umum terhadap ide-ide kelompok 'sekuler' adalah disebabkan oleh sentimen anti-penjajah dan keterikatan mereka pada pemerintahan Turki Uthmaniyah dan konsep *daulah Islamiyyah*. Termasuk di dalam sentimen-sentimen ini ialah mengenai soal-soal kedaulatan (*sovereignty*) masyarakat Muslim.

Kemudian, muncul pula retorik khilafah berperlembagaan (*constitutional caliphate*), yang dipromosikan, antaranya, oleh Rashid Reda. Rasa tidak puas hatinya terhadap Turki Uthmaniyah ialah disebabkan tidak adanya *constitution*, menyebabkan kuasa kerajaan khilafah itu terlalu besar sehingga ia menghasilkan kesewenang-wenangan yang menindas. Jadi, Rashid Reda hendak menghadkan kuasa khilafah itu dengan perlembagaan yang umum. Pendapat Reda ini lebih mudah diterima umum daripada konsep-konsep yang membahaskan hak-hak individu, kebebasan dan sebagainya.

Jadi, soal-soal nasionalisme itu bercampur-baur dengan soal-soal keagamaan dan mempengaruhi masyarakat umum.

*...Bagaimana pula dengan faktor kepentingan kelompok (group interest)? Adakah ianya memainkan peranan juga? Contohnya, kelompok ulama yang menentang apa jua pembaharuan pemikiran kerana mereka sudah terbiasa dan berpengaruh atas pemikiran-pemikiran yang sedia ada...'Abduh sendiri pernah cuba menggerakkan reformisme dalam pendidikan di Universiti al-Azhar sendiri tetapi tidak berjaya. Sebagai contoh, apabila 'Abduh cuba memasukkan karya Ibn Khaldun (*Muqaddimah*) ke dalam kurikulum sebagai bahan pengajaran, ianya ditentang oleh sebahagian kelompok ulama konservatif di al-Azhar. Bagaimana pendapat saudara mengenai perkara ini?*

Mustaqeem: Ya, dari sudut aktivisme, saya nampak 'Abduh memang cuba melakukan reformismenya dalam bidang atau sistem pendidikan, tetapi ditentang kuat. Tumpuannya di Mesir itu ialah sama ada

cuba merubah institusi al-Azhar itu sendiri ataupun mewujudkan institusi yang baru. Jadi, selepas 'Abduh meninggal dunia, asas yang diletakkannya itu menjadi Universiti Kaherah. Ini dari aspek aktivisme beliau.

Mungkin pengaruh 'Abduh lebih terserlah menerusi penulisan. Sebagai contoh, sikap keterbukaan terhadap kehadiran agama-agama yang pelbagai lebih diterima berbanding percubaannya mereformasikan pemikiran Islam dari dalam, termasuk juga dalam institusi kerajaan.

Faktor kerajaan ini, pada pandangan peribadi saya, menjadi salah satu faktor terpenting yang dapat menyemarakkan atau mengekang pertumbuhan pemikiran Islam – iaitu apabila kerajaan menjadikan reformisme atau anti-reformisme sebagai inisiatif kerajaan, mahupun memberikan dana untuk usaha-usaha mengekang atau mengedepankan reformisme itu. Contohnya, di tahun 90an, ada usaha untuk membangkitkan kembali (*revive*) tulisan-tulisan 'Abduh dan anak-anak muridnya, tetapi itu juga terjadi atas sebab adanya dana dari kerajaan. Malangnya, ia tidak dapat bertahan dan akhirnya usaha ini terbantut juga.

Kembali pada topik pendidikan...Bolehkah saudara memberikan gambaran mengenai keadaan pendidikan agama di Malaysia sekarang ini, secara umum?

Mustaqeem: Pendidikan agama di Malaysia ini, secara umumnya, bukan pendidikan dalam erti kata yang sebenarnya. Saya lihat tidak ada semangat *inquiry* (ingin tahu) di situ – iaitu, pengajaran yang membuat pelajar ingin bertanya. Sebaliknya, ia bercorak *authoritarian*, iaitu, guru cenderung mengatakan: “Ini sekian, dan yang itu adalah *final* (tidak boleh dipersoal); hukumnya sekian dan ia *final*; Islam adalah sekian dan ia *final*.” Jadi, yang diajar dan ditekankan bukannya berkenaan asas-asas sesuatu perkara itu; sebaliknya diajarkan bentuk-bentuknya yang kemudian dikatakan *final*.

Kadang-kadang, masalah sebenar bukan hanya terletak pada *syllabus*, tetapi juga atas sebab guru-gurunya yang bersikap tertutup. Dalam hal ini, murid selalunya tidak digalakkan bertanya. Sebagai bukti yang paling jelas, mungkin kita boleh lihat kuliah-kuliah yang diadakan di peringkat universiti – khususnya, dalam kuliah-kuliah Syariah. Dalam kuliah-kuliah (Syariah) ini, kita tidak akan diajar melebihi apa yang terdapat dalam mazhab Syafi'e; atau paling tidak, apa yang terdapat dalam empat mazhab yang sedia

ada. Di kalangan murid pula – berdasarkan pengalaman teman-teman yang pernah belajar di fakulti-fakulti pengajian Islam di universiti-universiti di Malaysia, – ada yang mudah marah apabila seseorang itu membawakan pandangan-pandangan yang bukan dari mazhab Syafi'e, contohnya. Dan di dalam kelas, pensyarah yang mahu membuat murid bertanya juga menghadapi kesukaran – sebab murid-muridnya sudah terbiasa di peringkat sekolah rendah dan menengah untuk tidak bertanya; mereka sering disumbat dan tidak digalakkan mencari. Jadi, bila mereka ini sampai ke peringkat universiti, sifat ingin tahu dan semangat berfikir itu sudah lenyap.

...Jadi, ada suatu lingkaran, di mana, guru membentuk murid sedemikian dan murid itu kemudian menjadi guru yang serupa. Soalnya, bagaimana agaknya kita dapat lepas dari vicious cycle ini?

Mustaqeem: Mungkin ada beberapa peringkat yang boleh kita lakukan. Satu peringkat ialah memperkenalkan sekolah kita sendiri. Sebagai contoh, mungkin kita boleh sebut ABIM (Angkatan Belia Islam Malaysia) dan JIM (Jemaah Islah Malaysia) yang telah memperkenalkan sekolah mereka sendiri – dari peringkat tadika hingga ke peringkat menengah. Jadi, sekiranya usaha ABIM dan JIM ini juga masih belum memuaskan, mungkin kita perlu fikirkan usaha baru, iaitu membina sebuah institusi baru. Ini ialah satu peringkat usaha yang paling bawah.

Di peringkat usaha yang paling atas pula, mungkin kita perlu adakan satu dasar pendidikan yang baru. Tetapi, pada pendapat saya, ini tidak akan mencapai hasrat yang kita inginkan. Sekiranya kita cuba memperkenalkan falsafah pendidikan yang baru, kita akan ulang semula kesilapan yang sama, termasuklah penyeragaman yang menindas kepelbagaian, penafian terhadap 'yang lain'.

Sebaliknya, yang diperlukan pada waktu ini ialah *political will* – tetapi bukan dalam bentuk *affirmative action*, dengan membentuk satu 'sekolah pintar' milik negara contohnya. Yang saya maksudkan ialah *political will* dalam memberi kebebasan yang lebih supaya kumpulan-kumpulan yang berminat boleh mewujudkan sekolah-sekolah berasaskan *syllabus* atau kurikulum yang dirangka sendiri tanpa perlu terikat dengan kurikulum yang dirangka kerajaan.

Jadi, maksudnya, satu cara yang boleh dilakukan ialah mewujudkan institusi baru; tetapi masalah yang timbul pula ialah kerajaan terlalu mengongkong syllabus-nya – iaitu, apa yang boleh atau tidak boleh diajar. Bagaimana pula sekiranya kerajaan membenarkan: Adakah hegemoni pemikiran keagamaan yang sudah mapan (status quo) dapat digugat? Bagaimana pula dengan sambutan masyarakat nanti?

Mustaqeem: Tidak akan mudah bagi institusi baru itu merubah aspek-aspek pemikiran masyarakat kerana ada mekanisme lain untuk menekan kelompok minoriti yang cuba menggerakkannya. Misalnya, sekiranya kita membuat satu tadika baru, mungkin Jakim (Jabatan Agama dan Kemajuan Islam Malaysia) akan datang dan katakan, “Oh, (tadika ini) ajar ajaran sesat.” Jadi, majlis agama akan ambil tindakan.

Saya rasa, pada peringkat sekarang ini, perkara yang paling asas ialah memperjuangkan kebebasan. Kebebasan itu mesti ada terlebih dahulu. Isu-isu atau masalah-masalah lain boleh ditangani kemudian. Tetapi, masalahnya sekarang, orang yang tertindas juga takut akan kebebasan. Oleh itu, timbullah ungkapan-ungkapan seperti “Kebebasan itu tidak mutlak” dan sebagainya. Jadi, belum apa-apa lagi, dia sudah letakkan batas, yang kemudian akan menyulitkan dia sendiri.

Selalunya kelompok konservatif ini mengatakan bahawa kalau diberikan kebebasan, nanti akan terjadi semacam anarki dan Islam itu akan menjadi bercelaru sehingga ada yang lari daripada Islam itu sendiri. Inilah yang dilau- laungkan sehingga menakut-nakutkan masyarakat umum. Pada pendapat anda, adakah kebebasan itu harus dikawal atau diberi seluas-luasnya?

Mustaqeem: Ia harus diberi seluas-luasnya. Soal batas itu perkara lain. Batas-batas yang ingin digariskan mestilah berasaskan nilai-nilai yang sudah diterima-pakai secara universal. Jadi, kita tidak boleh sewenang-wenangnya meletakkan batas-batas kebebasan. Yang seharusnya meletakkan sesuatu batas itu ialah undang-undang – iaitu, undang-undang yang memberitahu apa yang boleh dan tidak boleh dilakukan. Itu harus jelas.

...Tapi bagaimana kita merumuskan sesuatu batas itu?

Mustaqeem: Sebagai contoh yang mudah, harus dibenarkan membuat apa jua jenis sekolah, tetapi tidak boleh ada di dalam *syllabus*-nya cara-cara membuat bom.

...Jadi, maksudnya, batas-batas itu haruslah batas-batas humanistik dan etika-moral yang dipersetujui di dalam konteks masyarakat yang majmuk – iaitu tidak boleh adanya 'infringement of another person's fundamental rights' (melanggar hak-hak asasi orang lain)?

Mustaqeem: Ya, benar. Tapi, pada masa yang sama, wacana-wacana yang lain perlu digerakkan: contohnya, wacana mengenai individualisme, kolektivisme, *citizenship*, dan sebagainya. Wacana-wacana ini harus bergerak secara *parallel*. Namun, wacana kebebasan itu tetap wajib diketengahkan. Juga, kebebasan berwacana itu sendiri.

Setuju. Mungkin kita berganjak kepada soalan yang bersifat peribadi sedikit. Sebagai seorang lulusan aliran agama, bagaimana anda sendiri menemukan 'enlightenment' (pencerahan) secara peribadi? Maksudnya, bagaimana anda sendiri dapat berfikiran kritis dan tidak mengikut konvensi pemikiran dan cara berfikir yang diajar sewaktu di peringkat sekolah rendah hingga ke universiti?

Mustaqeem: Sebenarnya, saya sering ditanya soalan ini. Begini: Seseorang yang dididik di dalam aliran pendidikan agama dan kemudian menjadi kritis itu, tidak seharusnya menghairankan kita. Sebabnya, dengan membaca al-Qur'an itu sendiri, kita boleh menjadi kritis. Ini kerana ajaran-ajaran al-Qur'an itu sendiri, sewaktu ia turun dalam masyarakat Mekah dulu, bersifat radikal. Maksudnya, al-Qur'an itu secara tiba-tiba, membawa nilai-nilai sejagat yang langsung tidak pernah dikenal oleh masyarakat Mekah pada waktu itu. Nah, bukankah itu sesuatu yang radikal dan revolusioner? Dan kalau kita lihat pula tradisi ahli-ahli fekah Islam, dengan mengkaji dan belajar pandangan berbagai mazhab, kita sepatutnya sudah boleh menjadi kritis...

...Tapi mengapa perkara ini tidak terjadi, secara umumnya?

Mustaqeem: Saya rasa ini mungkin salah satu misteri zaman moden ini sendiri! Pensyarah-pensyarah di universiti saya dulu pun kebingungan. Pernah terjadi, dalam sebuah kuliah yang saya hadiri, pensyarah bertanya pandangan salah seorang dari kami mengenai kes sekian

dan sekian. Murid ini menjawab, “Menurut pandangan imam sekian, hukumnya sekian-sekian; dan menurut pandangan imam sekian pula, hukumnya sekian-sekian.” Jadi, pensyarah ini marah: “Saya menanyakan pandangan kamu dan bukan pandangan imam-imam fekah.” Murid itu membalas, “Tidak boleh! Kita mesti bawa pandangan imam fekah yang terdahulu! Sebabnya, kita tidak pandai!”

Jadi, tampak di sana adanya semacam *resistance* di kalangan pelajar itu sendiri untuk berfikir dan memberi pandangan. Seinggakan, saya lihat si pensyarah itu sendiri sudah tidak tahu apa yang perlu dilakukan lagi untuk merubah keadaan.

Mungkin sifat ingin bertanggungjawab terhadap diri dan pendapat sendiri itu belum masuk ke dalam jiwa si pelajar itu...Kerana itu lebih mudah kita mengutip pendapat orang lain daripada memberi pendapat sendiri...?

Mustaqeem: Itu mungkin betul. Mungkin juga sebab adanya doktrin-doktrin yang sudah diterima-pakai. Jadi, dia ini mengatakan bahawa kita tidak perlu bertaqlid, tetapi, pada masa yang sama, kita mesti memilih pandangan-pandangan di kalangan ulama sahaja dan bukannya pandangan yang berasaskan rumusan sendiri. Maknanya, dia mungkin keluar daripada taqlid pada satu mazhab, tetapi kemudian bertaqlid pula pada beberapa mazhab dengan pandangan-pandangan para ulama yang berbagai itu. Walhasil, dia tidak mendisiplinkan dirinya untuk berfikir dan dia tidak lihat fenomena kepelbagaian pandangan itu sebagai petanda bahawa ada keharusan bagi seseorang pelajar itu melontarkan pandangannya sendiri dan ada keharusan bagi seorang mujtahid yang tidak hidup di abad-abad sebelumnya (mujtahid semasa) untuk membuat ijtihad masing-masing. Dia tidak dapat lihat sebegitu. Kerana menurut dia lagi, ulama-ulama yang lebih dekat dengan zaman Nabi, lebih bijak dan arif. Itu logik tumpul, kalau pun bukan logik songsang, yang mereka pakai.

Ada beberapa pemikir Islam sekarang yang mengatakan bahawa apa yang mungkin diperlukan sekarang ialah pendidikan sains sosial – iaitu, pemahaman di kalangan agamawan ini tentang bagaimana sesuatu masyarakat itu terbentuk serta proses-proses perubahan sosial. Jadi, kalau kita adakan pendidikan seperti itu, mungkin para agamawan kita dapat berfikir secara kontekstual – iaitu, mereka dapat memahami bahawa pendapat yang muncul pada sesuatu era atau masa itu terbentuk oleh kondisi sosial dan dinamika sosial yang ada pada waktu itu. Oleh itu, mereka dapat juga memahami bahawa oleh kerana kita hidup di

abad yang berbeza, kita harus memikir-ulang beberapa ahkam (hukum positif) itu.

Mustaqeem: Ya. Pertama sekali, untuk memperkenalkan sosiologi, contohnya, ke dalam jabatan pengajian Islam, ia akan menjadi setakat pengantar sahaja. Maksudnya, ia tidak akan menjadikan pemahaman sosial pelajar itu lebih *sophisticated* berbanding dengan mereka yang memang khusus belajar ilmu tersebut. Sebenarnya, soal kondisi sosial, latar di sebalik hukum dan sebagainya – itu memang sudah ada dan tersirat di dalam wacana fekah itu sendiri. Maknanya, setiap hukum itu sudah dijelaskan sebab ia dirumuskan dengan *justification* yang melatari pandangan sekian ulama; ia sudah *embedded* di dalam setiap hukum itu. Oleh itu, seseorang pelajar itu sepatutnya sudah boleh terperasan bahawa setiap hukum bukan semata-mata berasaskan teks tetapi ada konteks yang melatari hukum tersebut.

Barangkali, yang lebih penting hari ini ialah untuk menggerakkan wacana-wacana yang bersifat falsafah. Kita boleh membangkitkan wacana yang menanyakan: Apa maksud agama itu sendiri? Apakah peranan agama? Adakah agama setakat 'set of rules' – seperti dalam bidang-bidang kekeluargaan atau muamalat; atau adakah agama itu melebihi atau *transcend* kesemua itu? Mungkin, wacana-wacana yang bersifat begini lebih penting digerakkan.

Jadi, selepas dibincangkan apa maksud agama itu, kita bincangkan pula apa peranan agama – terutama peranan agama dalam bentuk masyarakat dan sistem politik yang terdahulu, dan kemudian peranan agama dalam bentuk masyarakat dan sistem politik hari ini.

Perbincangan mengenai peranan agama itu bukan hanya perlu wujud di kalangan intelektual dan ahli akademik, tetapi juga menjadi *concern* (keprihatinan) setiap orang yang merasa ingin beragama dan prihatin pada soal-soal agama.

Mungkin satu lagi soalan yang terakhir buat saudara Mustaqeem...Anda merupakan pengasas Middle Eastern Graduates Center (MEGC). Boleh terangkan secara ringkas latar mengapa anda menubuhkannya serta apakah peranan yang anda harap dapat dimainkan oleh pusat ini?

Mustaqeem: MEGC ini bermula dari kegiatan kewartawanan saya sejak tahun 2000, dan dari kegiatan menganjur forum-forum perbincangan di

sekitar Kuala Lumpur. Dari situ, kita bersentuhan dengan banyak isu. Di Malaysia ini, yang selalu menjadi isu hangat ialah agama. Tetapi, secara umum, pada waktu itu, perbincangan-perbincangannya barangkali belum sampai kepada tahap *discourse*. Yang menjadi perbincangan pada waktu itu adalah reformasi: Apa maksud reformasi? Apa isi-isinya? Dan bagaimana pula Reformasi yang dicetuskan di Malaysia pada tahun 1998 itu sebaiknya diisi?

Jadi, yang menjadi perhatian waktu itu ialah soal perubahan. Bagi parti politik dan ahlinya, maksud 'perubahan' itu ialah mengubah kerajaan. Tetapi, kesedaran saya dan kawan-kawan saya pada waktu itu ialah bahawa agama juga memainkan peranan besar – khusus kepada masyarakat Melayu; saya dan kawan-kawan akur agama telah dan akan memainkan peranan besar dalam masyarakat. Kalau kita lihat, contohnya, tulisan Syed Muhammad Naquib al-Attas, *Islam dalam Sejarah dan Kebudayaan Melayu*, kita tidak dapat nafikan Islam memberi pengaruh besar dalam masyarakat Melayu walaupun ada beberapa bahagian di dalam buku tersebut yang mungkin tidak kita persetujui. Jadi, untuk membawa perubahan, apakah asas-asas yang perlu ada supaya perubahan itu menjadi *real* dan bukan perubahan berbentuk kulit sahaja – iaitu, kita bertukar kerajaan daripada kerajaan Barisan Nasional kepada kerajaan Barisan Alternatif, contohnya. Di situ, kulitnya sahaja yang bertukar tetapi *content*-nya, isinya, tetap sama.

Dalam kita cuba memahami perubahan, kita lihat sejarah – khususnya, apa yang kita kenali sebagai *Renaissance* dan *Enlightenment* yang menjadi penanda perubahan dan transformasi politik dan sosial Eropah. Kalau kita kaji, yang menjadi asas era ini ialah intelektualisme – budaya berfikir. Jadi, kegiatan intelektual itulah yang menjadi asas perubahan. Kegiatan-kegiatan bersifat intelektual ini adalah *hardware* yang diperlukan untuk proses perubahan masyarakat. *Hardware*-nya bukanlah bangunan yang tinggi dan canggih, tetapi lebih bersifat pemikiran intelektual.

Atas kesedaran inilah – bahawa perubahan mesti bermula dengan usaha-usaha bersifat intelektual – saya dan beberapa teman mula menggiatkan usaha menterjemahkan karya-karya agung bidang pemikiran. Kita perhatikan bahawa kegiatan menterjemah karya-karya penting dunia di Malaysia ini agak mati. Jadi kami mulakan penterjemahan buku-buku yang bersifat falsafah dan buku-buku agama yang bukan bersifat fekah.

MEGC memang banyak menterjemahkan buku-buku agama, tetapi kami berikan tumpuan yang lebih pada bidang pemikiran. Kalau adapun buku-buku bidang perundangan, ia lebih bersifat bahasan falsafah perundangan. Satu contoh ialah terjemahan buku Abdullahi Ahmed An-Na'im, *Menuju Reformasi Perundangan Islam*.

Jadi, permulaan kegiatan MEGC itu adalah dalam bidang penerbitan buku. Kemudian, daripada buku itu, kita cuba gerakkan perbincangan-perbincangan yang berlegar di sekitar kandungan buku-buku itu – tidak kira sama ada buku-buku terbitan MEGC atau yang diterbitkan oleh pihak lain.

Kemudian, MEGC juga mula memperkenalkan dan menggerakkan forum-forum; tetapi, kesedarannya tetap dari asas yang sama – iaitu, menggerakkan budaya berfikir atau intelektualisme. Memang, kami tidak pernah mengadakan perbincangan yang merespon kepada *current issues* (isu-isu semasa) secara *direct* (langsung) – seperti soal kenaikan harga minyak, contohnya. Sebaliknya, kita gerakkan forum membincangkan falsafah dan pemikiran ekonomi, misalnya.

Memang setakat ini, MEGC lebih tertumpu pada penerbitan buku-buku yang lebih bersifat keagamaan. Tetapi fokus MEGC itu sendiri bukanlah Islam; orientasinya ialah *reform*. *Reform* itu difahami secara luas – iaitu *reform* kebudayaan atau *reform* pemikiran masyarakat.

Terima kasih, saudara Mustaqeem. Saya yakin usaha-usaha saudara mengedepankan perubahan pemikiran di Malaysia, terutama melalui usaha-usaha menterjemah dan menerbitkan buku-buku bidang pemikiran dan falsafah dapat memberi kesan jangka panjang yang sihat, juga membawa kepada perubahan masyarakat yang diharapkan. Tentunya, buku-buku terbitan MEGC juga dapat dimanfaatkan masyarakat Melayu lain, khususnya di Singapura, yang sering bergantung kepada buku-buku agama yang diterbitkan oleh pustaka-pustaka buku di Malaysia. Terima kasih sekali lagi.

Mustaqeem: Ya, terima kasih kembali.

[17 Jun 2007]